



PENDUDUK turut menanam pokok untuk menghijaukan lagi persekitaran tasik di Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor, baru-baru ini.



PERSEKITARAN tasik di Bandar Tasik Kesuma, Beranang kelihatan lebih mesra pengunjung selepas dibersihkan oleh penduduk setempat, baru-baru ini.

200 penduduk gotong-royong bersihkan tasik

SEMENYIH 23 Okt. - Penduduk mendakwa sejak syarikat pemaju Bandar Tasik Kesuma, Beranang diisytiharkan bankrap, penduduk terpaksa menanggung pelbagai masalah termasuk persekitaran yang semak dan kotor.

Malah, penduduk terpaksa menyediakan sendiri kemudahan awam termasuk Surau Al Khauthar yang kini tidak dapat menampung jemaah yang ramai.

Yang Dipertua Persatuan Penduduk Bandar Tasik Kesuma, Abu Mansor Mohammad (**gambar**) berkata, selain itu tasik yang terdapat di situ juga tidak disenggara oleh mana-mana pihak, kecuali penduduk yang bergotong-royong membersihkan persekitarannya.

"Tasik itu asalnya di bawah seliaan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) sebagai tasik semula jadi dan tadahan air.

"Tasik itu kemudiannya diseng-

garakan oleh pihak pemaju, tetapi sehingga kini masih tidak dibuat penyerahan kepada mana-mana pihak bagi tujuan penyenggaraan dan pembangunan sebagai taman tasik rekreasi," katanya.

Prihatin dengan keadaan persekitaran tasik itu, penduduk telah mengadakan gotong-royong membersihkan tasik itu baru-baru ini, yang dihadiri kira-kira 200 penduduk.

Program itu turut mendapat kerjasama JPS serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Selain membersihkan persekitaran tasik itu, penduduk turut menanam pokok dan menjalankan aktiviti komuniti.

"Hari ini penduduk sendiri mengambil inisiatif untuk membersihkan tasik ini secara gotong-royong.

"Kami bukan sahaja membersihkan persekitarannya, tetapi juga



SESI dialog antara penduduk Bandar Tasik Kesuma dengan wakil agensi kerajaan yang turut menyertai program gotong-royong membersihkan alam sekitar di Bandar Tasik Kesuma, Beranang, Selangor, baru-baru ini.

permukaan tasik dengan mengaut segala sampah sarap yang dibuang oleh pihak tidak bertanggungjawab ke dalamnya," katanya.

Usaha itu, kata Abu Mansor, bukan sahaja untuk menanamkan ke-

sedaran terhadap penjagaan alam sekitar tetapi bagi menunjukkan bahawa penduduk bersedia memberikan apa juga kerjasama kepada mana-mana pihak yang boleh membangunkan tasik itu.

Selain itu, penduduk turut mengadakan majlis dialog dengan pihak berkaitan sempena program gotong-royong itu, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri Semenyih, Datuk Johan Abdul Aziz.